



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA  
ENCIK ARIFFIN BIN ABDUL HAMID,  
KETUA STESEN KERETAPI  
MENGENAI STESEN KERETAPI TANAH MELAYU  
PASIR GUDANG, JOHOR**

**ANIS AQILA BINTI ZAINUDDIN**

**(2019720041)**

**NUR SHAFIRA HUSNA BINTI MAZLAN**

**(2019350713)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT**

**SEMESTER MAC - JULAI 2020**

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK.....</b>	<b>1</b>
<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>2</b>
<b>SENARAI ABREVIASI.....</b>	<b>3</b>
<b>SENARAI SINGKATAN.....</b>	<b>4</b>
<b>RUJUKAN KATA.....</b>	<b>5</b>
<b>1.0 BIODATA PENEMUBUAL.....</b>	<b>11</b>
<b>1.1 PENEMUBUAL PERTAMA.....</b>	<b>11</b>
<b>1.2 PENEMUBUAL KEDUA.....</b>	<b>11</b>
<b>2.0 BIODATA TOKOH.....</b>	<b>12</b>
<b>2.1 BIODATA TOKOH.....</b>	<b>12</b>
<b>2.2 PENGENALAN KEPADA TOKOH.....</b>	<b>13</b>
<b>3.0 SEJARAH LISAN.....</b>	<b>15</b>
<b>3.1 PENGENALAN.....</b>	<b>15</b>
<b>3.2 OBJEKTIF SEJARAH LISAN.....</b>	<b>15</b>
<b>3.3 KEPENTINGAN SEJARAH LISAN.....</b>	<b>16</b>
<b>4.0 KAJIAN LITERATUR.....</b>	<b>17</b>
<b>4.1 PENGANGKUTAN AWAM.....</b>	<b>17</b>
<b>4.2 KERETAPI TANAH MELAYU BERHAD.....</b>	<b>18</b>
<b>5.0 TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA TOKOH.....</b>	<b>19</b>
<b>5.1 SESI 1.....</b>	<b>19</b>
<b>5.2 SESI 2.....</b>	<b>56</b>
<b>6.0 LOG TEMUBUAL.....</b>	<b>94</b>
<b>6.1 SESI 1.....</b>	<b>94</b>

## ABSTRAK

**Transkrip Temubual Bersama Encik Ariffin bin Abdul Hamid  
Ketua Stesen Keretapi  
Mengenai Stesen Keretapi Tanah Melayu Pasir Gudang, Johor**

***Abstrak:** Transkrip ini membincangkan tentang pengalaman seorang tokoh yang merupakan Station Master di sebuah stesen kereta api milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Ramai dalam kalangan masyarakat pada masa kini, terutamanya generasi yang baru dalam era ini tidak mengetahui secara lansung tentang kepentingan kewujudan pengangkutan kereta api. Selain menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang tokoh yang masih aktif berkhidmat untuk KTMB, projek sejarah lisan ini akan cuba mengungkap kebenaran sebenar disebalik isu-isu yang sering meniti di bibir-bibir masyarakat tentang KTMB sendiri. Bermula dari sejarah tentang KTMB, kajian ini turut memfokuskan secara menyeluruh tentang kejadian atau peristiwa yang pernah dialami tokoh sepanjang beliau berkhidmat untuk KTMB. Implikasi kajian ini adalah terutamanya kepada pengkaji, pelajar dan orang awam. Melalui projek sejarah lisan ini juga, diharap masyarakat luar terutamanya generasi pada masa akan datang akan menghargai dan mengenali dengan lebih lanjut tentang kepentingan KTMB.*

**Kata Kunci:** KTMB, Stesen Kereta Api, Johor, Station Master, Pengalaman.

## PENGHARGAAN

### “Dengan Nama ALLAH Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang”

Pertamanya kami memanjatkan kesyukuran kehadiran Allah S.W.T yang telah memberi limpah rahmat serta peluang kepada kami untuk menyiapkan tugas ini dengan jaya dan sempurnanya setelah melalui pelbagai halangan dan dugaan. Sesungguhnya tugas ini banyak menguji kami dengan realiti persekitaran sebenar dalam memperolehi maklumat berkenaan tokoh yang telah dipilih. Walaubagaimanapun, kami mendapat banyak manfaat dalam menyempurnakan tugas ini.

Di sini, kami ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Encik Arrifin bin Abdul Hamid di atas kesudian beliau menerima kami untuk ditemuramah dan sanggup meluangkan masa serta berkongsi pengalaman beliau sepanjang memegang jawatan *Station Master* semasa berkhidmat dengan pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Tidak lupa juga, kami ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu, Puan Siti Noorsiah binti Jamaludin yang merupakan pensyarah bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan. Segala jasa dan tunjuk ajar beliau amat kami hargai dan akan kami manfaatkan sepenuhnya. Sekalung terima kasih buat semua teman seperjuangan yang telah sama-sama berkongsi idea, membantu kami ketika menyiapkan tugas ini secara langsung ataupun tidak langsung.

Akhir kata, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga kami yang tidak jemu memberikan sokongan dan dorongan samada dalam bentuk tenaga mahupun wang ringgit bagi membantu kami dalam menyiapkan tugas ini dengan sempurna. Segala jasa baik semua pihak dan individu yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam menyiapkan tugas ini akan dibalas dengan ganjaran dari Allah S.W.T. Amin.

Sekian, terima kasih.

**Anis Aqila binti Zainuddin (2019720041)**

**Nur Shafira Husna binti Mazlan (2019)**

**SENARAI ABREVIASI**

<b>SINGKATAN</b>	<b>MAKSUD</b>
KTMB	Keretapi Tanah Melayu Berhad
MTD	Maktab Tentera Diraja
HSC	Higher School Certificates
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn
SIGS	Sultan Ibrahim Girl School
SDJ	Sekolah Dato Jaafar
KTM	Keretapi Tanah Melayu
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
KL	Kuala Lumpur
HQ	Headquarters
CEO	Chief Executive Officer
ETS	Electric Train Services
JB	Johor Bahru
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
BCF	Bogie Container Flat